THE NEW STRAITS TIMES PRESS (M) SDN BHD & SATU LAGI

lwn.

HJ NASHARUDDIN MAT ISA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMAN ABDULLAH PK
[GUAMAN NO: S7-23-07-2000]
27 MAC 2009

TORT: *Fitnah - Penyiaran - Laporan akhbar - Tohmahan bahawa plaintif mengubahsuai gambar yang disiarkan dalam akhbarnya - Tohmahan diteruskan walaupun jurugambar menjelaskan tiada ubahsuai dilakukan - Sama ada tohmahan suatu fitnah - Gantirugi - Sama ada mewajarkan gantirugi teladan*

Plaintif pertama adalah penerbit akhbar 'Berita Minggu/Berita Harian' sementara plaintif kedua adalah Ketua Pengarang Kumpulan plaintif pertama. Defendan-defendan pula adalah peneraju sebuah akhbar yang dipanggil 'Harakah'. Pada 28 November 1999, Berita Minggu telah menyiarkan artikel berjodol "Kempen pada saat-saat akhir; Jangan ikut emosi", dan bersekali dengan itu disiarkan sekeping gambar ('P2') dengan ayat "Dr. Mahathir disambut 4000 penyokong Barisan Nasional di majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Majlis Perbandaran Kangar semalam" tercatit di bawahnya. Pada 6 Disember 1999, Harakah, dengan menambah dua bulatan pada P2, telah menyiarkan semula gambar tersebut dengan tajuk "How Many Mahathirs Can You Spot Here?" sekaligus menuduh Berita Minggu telah mengubahsuai gambar tersebut ('artikel pertama'). Tohmahan dinafikan oleh Berita Minggu dan berikutnya, pada 8 Disember 1999, akhbar Berita Harian telah menyiarkan kenyataan dari Pertubuhan Berita Nasional Malaysia ('Bernama') bahawa jurugambar yang merakam P2 adalah dari Bernama dan bahawa gambar tersebut adalah tulen dan tidak diubahsuai. Walaupun Bernama telah mengeluarkan kenyataannya di atas, Harakah masih lagi, dalam edisi 10 Disember 1999nya, mengulangi dan menyiarkan tohmahannya bahawa plaintif telah mengubahsuai gambar tersebut ('artikel kedua'). Plaintif-plaintif mengatakan bahawa defendan-defendan telah melakukan tort fitnah terhadapnya, fitnah mana telah menjejaskan jualan akhbarnya, dan juga imejnya di mata orang ramai dan pembaca-pembacanya. Plaintif-plaintif dengan itu telah memfailkan guaman di sini bagi menuntut gantirugi-

A gantirugi dari defendan-defendan. Di hadapan yang arif Pesuruhjaya Kehakiman, plaintif kedua memilih untuk tidak mengemukakan apa-apa keterangan, dan begitu juga defendan-defendan, yang memilih untuk tidak mengemukakan pembelaan mereka. Persoalan penting berbangkit adalah sama ada plaintif-plaintif telah berjaya
B membuktikan kes mereka, dan jika begitu berapakah jumlah gantirugi yang harus diperintahkan terhadap defendan-defendan.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif pertama):

(1) Apabila defendan memilih untuk tidak mengemukakan apa-apa
C keterangan ianya bagaikan mengakui apa yang dituntut oleh plaintif pertama. (perenggan 16)

(2) Mana-mana orang yang membaca artikel pertama mungkin akan termakan dengan penulisan dan komen defendan dan menjejaskan imej plaintif apabila defendan berjaya memberikan
D contoh sebuah akhbar lain sebelum ini pernah membuat ubahsuai pada gambar yang disiarkan dan meminta maaf secara terbuka. Tohmahan defendan ini perlu dinilai dari sudut penerimaan oleh orang biasa tanpa pengetahuan khas. (perenggan 20)

E

(3) Tindakan Harakah mengeluarkan satu lagi tohmahan pada plaintif di dalam artikel kedua pada 10 Disember 1999 setelah mengetahui pihak lain yang bertanggungjawab mengambil gambar tersebut adalah benar-benar memfitnahkan plaintif tanpa
F ragu-ragu lagi. Fakta menunjukkan artikel kedua juga menyiarkan penjelasan Ketua Editor Bernama menafikan terdapat dua Dr. Mahathir dan bahawa orang yang dikatakan seperti Dr. Mahathir tersebut adalah orang lain bukannya diubahsuai. Oleh itu, mengapa pula artikel kedua tersebut terus menuduh plaintif pertama berdiam diri dan berterusan dengan
G tuduhannya bahawa plaintif pertama telah mengubahsuai gambar berkenaan di dalam Berita Minggu. Adalah jelas bahawa melalui artikel pertama defendan telah membuat tohmahan tanpa usul periksa dan sesuka hati, sementara dalam artikel kedua pula, mereka nyata mempunyai niat jahat. (perenggan 21, 22, 24 &
H 32)

(4) Tuntutan plaintif kedua seharusnya gagal atas kegagalannya mengemukakan apa-apa keterangan untuk menyokong tuntutannya. Namun, itu tidak menjejaskan tuntutan plaintif
I pertama. Plaintif pertama telah memanggil dua orang saksi

untuk memberi keterangan baginya, dan SP2 antara lain mengatakan bahawa kesan dari fitnah ini adalah bahawa NSTP telah mendapat malu kerana dianggap telah menipu orang awam. (perenggan 45 & 46)

(5) Berdasarkan fakta dan keterangan, mahkamah membenarkan tuntutan plaintif pertama sebanyak RM200,000 bagi gantirugi am dan RM100,000 bagi gantirugi teladan. Gantirugi am yang diberi adalah berpadanan dengan imej plaintif pertama sebagai pengeluar akhbar berbahasa Inggeris dan Melayu yang meluas edarannya dan dipercayai dan diminati di Malaysia. Sementara gantirugi teladan adalah sesuai kerana Harakah masih menyiarkan komen atas isu yang sama pada 10 Disember 1999 walaupun Bernama telah mengakuannya di atas. Gantirugi teladan patut diberi agar pihak lain tidak mengambil mudah untuk sengaja membuat tohmahan dengan niat yang tidak baik atau semata-mata untuk mendapatkan keuntungan dengan melariskan jualan Akhbar Harakah. (perenggan 50 - 55 & 57)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor [1966] 1 LNS 5 FC ***(dirujuk)***
Adam v. Ward [1917] AC 309 ***(dirujuk)***
Anne Lim Keng See v. The New Staits Times Press (M) Bhd & Anor And Other Appeals [2008] 6 CLJ 697 CA ***(dirujuk)***
Cheng Hang Guan & Ors v. Perumahan Farlim (PG) Sdn Bhd & Ors [1988] 2 CLJ 35; [1988] 1 CLJ (Rep) 435 HC ***(dirujuk)***
Dato Musa Hitam v. SH Alattas & Ors [1991] 1 CLJ 314; [1991] 2 CLJ (Rep) 487 HC ***(dirujuk)***
Inggeris Horrocks v. Lowe [1975] AC 135 ***(dirujuk)***
Lewis v. Daily Telegraph Ltd [1964] AC 234 ***(dirujuk)***
Pardeep Kumar Om Parkash Sharma & Anor v. Abdullah Sani Hashim & Another Cases [2008] 1 LNS 669 CA ***(dirujuk)***
Re A; ex p Johnson [1992] BCLC 701 ***(dirujuk)***
The Institute of Commercial Management United Kingdom v. The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd [1993] 2 CLJ 365 HC ***(dirujuk)***
Tun Datuk Patinggi Hj Abdul Rahman Ya'kub v. BRE Sdn Bhd & Ors [1995] 1 LNS 304 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Defamation Act 1957, ss. 9, 12(1)

Bagi pihak plaintif - Balraj Singh; T/n Shahrizat, Rashid & Lee
Bagi pihak defendan - Mohamed Hanipa; T/n Mohamed Hanipa & Associates

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

A

PENGHAKIMAN

Azman Abdullah PK:

Latar Belakang

B **[1]** Pihak defendan-defendan telah tidak berpuashati dengan keputusan mahkamah ini dan telah memfailkan rayuan.

[2] Perbicaraan penuh kes ini selesai apabila pihak defendan memilih untuk tidak menjawab kes plaintif. Setelah mahkamah mendengar hujahan oleh kedua-dua belah pihak mahkamah telah C membenarkan tuntutan plaintif pertama dengan kos di mana gantirugi am adalah sebanyak RM200,000 dan gantirugi teladan sebanyak RM100,000 dengan kos.

[3] Manakala tuntutan plaintif kedua ditolak tanpa arahan ke atas D kos oleh sebab tiada keterangan di kemukakan untuk menyokong tuntutan plaintif kedua.

[4] Manakala permohonan maaf tidak perlu dibuat oleh defendan memandangkan ianya adalah begitu lama insiden ini telah berlaku.

E **Pihak-Pihak**

[5] Plaintif pertama adalah sebuah syarikat media yang ditubuhkan di Malaysia.

[6] Plaintif kedua pula merupakan individu pada setiap masa F material merupakan Ketua Pengarang Kumpulan Syarikat plaintif pertama.

[7] Defendan pertama di dakwa sebagai pemegang jawatan Setiausaha Agung kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan parti G PAS tersebut mempunyai sebuah Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat yang merupakan penerbit Akhbar Harakah.

[8] Defendan kedua merupakan Ketua Pengarang kepada Akhbar Harakah.

H **[9]** Defendan ketiga, adalah sebuah Firma pengkongsian yang didaftarkan di Malaysia adalah pencetak Akhbar Harakah.

[10] Defendan keempat adalah pemegang permit yang dikeluarkan kepada penerbit Akbar Harakah oleh Kementerian Dalam Negeri.

I

Fakta Kes

[11] Secara amnya, mahkamah ini berpendapat kes ini adalah mudah difahami (straight forward) dan tiada mempunyai pertikaian fakta. Akhbar Berita Minggu pada 28 November 1999, memaparkan Tajuk Utama 'Kempen pada saat-saat akhir; Jangan Ikut emosi' dan article tersebut telah diiringi oleh sebuah gambar (P2) dimana ayat "Dr. Mahathir disambut 4,000 penyokong Barisan Nasional di majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Padang Majlis Perbandaran, Kangar, semalam" telah dicatitkan di bawah gambar tersebut. Dimuka depan akhbar Berita Minggu menunjukkan Dr Mahathir Mohamed dikerumuni oleh orang ramai iaitu sehari sebelum pilihanraya tahun 1999.

[12] Akhbar Harakah (P1) (selepas ini disebut sebagai 'artikel pertama') di dalam keluarannya bertarikh 6 Disember 1999 telah mengeluarkan semula gambar (P2) di Berita Minggu itu cuma menambah dua bulatan dengan tajuk "How many Mahathirs can you spot here?" menuduh plaintif telah ubahsuai (tempered or doctored) gambar tersebut.

[13] Manakala akhbar Berita Harian (P3) pada 8 Disember 1999 menafikan kenyataan di dalam Harakah itu, dengan mana memetik kenyataan pihak Bernama telah mengeluarkan kenyataan bahawa gambar yang terkandung di dalam Akhbar Berita Minggu tersebut diambil oleh jurugambar Bernama bukannya oleh jurugambar plaintif dan tidak di "ubahsuai".

[14] Walaupun Bernama telah mengeluarkan kenyataan tersebut namum Harakah masih lagi mengeluarkan di dalam akhbar Harakah (selepas ini disebut sebagai 'artikel kedua') pada 10 Disember 1999 dan masih lagi menuduh seolah olah plaintif ubahsuai gambar yang diambil dari Bernama sebelum dipaparkan di dalam Berita Minggu.

[15] Semasa perbicaraan pihak plaintif telah memanggil jurugambar Bernama, SP3 dan telah mengemukakan gambar yang asal yang diambilnya di tempat kejadian dan ternyata plaintif memetik gambar dari sumber Bernama dan gambar tersebut tidak di "ubahsuai" untuk memutarbelitkan fakta bagi menunjukkan Dr Mahathir mendapat sambutan hangat. Pihak defendan memilih untuk tidak menjawab kes plaintif dan tidak mengemukakan apa-apa keterangan yang menyangkal tuntutan plaintif.

[16] Mahkamah ini berkeputusan keterangan pihak plaintif adalah sangat kuat dan apabila pihak defendan memilih untuk tidak mengemukakan apa-apa keterangan ianya bagaikan mengakui apa yang dituntut oleh plaintif pertama.

A **[17]** Bagi tujuan memudahkan memahami fakta kes ini diturunkan Kronologi Fakta Kes seperti berikut:

Kronologi Fakta Kes

Pada 28 November 1999: Berita Minggu (P2) Lampiran 29/5.

B

Disiarkan di dalam Berita Minggu gambar Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamed bersalaman dengan orang ramai di Kangar. (Ikatan Dokumen Dipersetujui Lampiran 29 di ms. 5 - P2) Jurugambar (SP3) yang merakamkan gambar
C tersebut adalah dari Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

Pada 6 Disember 1999: Harakah (artikel pertama) (P1) Lampiran 29/4.

D Harakah telah mengeluarkan semula gambar tersebut di Bahagian Bahasa Inggeris dengan tajuk 'How Many Mahathirs Can You Spot Here' (Ikatan Dokumen Dipersetujui Lampiran 29 dims. 4 - P1) dengan antara lain menuduh Berita Minggu yang dimiliki oleh New Straits Times mengubahsuai gambar
E tersebut untuk menunjukkan ramai orang yang menyambut Perdana Menteri di Kangar dan meminta Kadir Jasin memohon maaf.

> Look at the above photograph splashed on the front page of Berita Minggu just a day before polling day. It says an
F impressive crowd greeted UMNO president Mahathir Mohamed at a gathering in Kangar, Perlis. But how many Mahathirs can you spot in the picture? On our part, we have spotted two (in circles).
>
> This is yet another proof of how the UMNO-controlled
G media lies each time it wants to prove the so called "popularity" of the prime minister. Days earlier, the Chinese - language Sin Chew Jit Poh also tried the same trick, erasing Anwar's face from a 1995 photograph and placing him with Abdullah Badawi. The paper later aplogised to readers.
>
> The huge resources and so many experts as its disposal,
H Berita Minggu, a publication of the UMNO-owned New Straits Times Press, could have done a better job pasting up the crowd to make it look massive. Bad job, Kadir Jasin! Time for an apology, if you have any ethics left, that is.

I

Pada 8 Disember 1999: Berita Harian (P3) Lampiran 29/ms. 12.

Berita Harian mengeluarkan kenyataan dari Bernama bahawa jurugambar yang merakam gambar tersebut adalah dari Bernama dan menyatakan gambar tersebut adalah tulen dan tidak diubahsuai dan menyatakan kesal dengan laporan Akhbar Harakah pada 6 Disember 1999.

Pada 10 Disember 1999: Harakah (artikel kedua) (P4) Lamp 29/ms. 6.

Akbar Harakah sekali lagi melalui laman Bahasa Inggerisnya dengan tajuk 'Bernama Claims Picture is 'genuine', NSTP silent'. Walaupun mengulas laporan akhbar di P2 tetapi masih lagi menuduh plaintif mengubahsuai gambar tersebut sebelum dikeluarkan "the question is whether it has been tempered with by Berita Minggu before it decided to publish it" dan meminta NST menjelaskan dan memohon maaf. Di bawah ini diperturunkan artikel kedua tersebut:

> While the New Straits Times Press remained silent over the photograph of a large crowd welcoming Mahathir Mohamad published by Berita Minggu on November 28, the Nasional News Agency (Bernama) said the photograph was genuine, "without any tempering whatsoever ...

Samada Artikel Pertama Dan Kedua Oleh Akhbar Harakah Adalah Berbentuk Fitnah

[18] Terlebih dahulu diperturunkan ayat-ayat dan perkataan-perkataan yang dikatakan berbentuk fitnah di dalam kedua-dua artikel Harakah itu;

Di dalam artikel pertama ayat-ayat yang bersifat memfitnah kepada plaintif-plaintif.

i. But how many Mahathirs can you spot in the picture? On our part, we have spotted two (in circles).

ii. This is yet another proof of how the UMNO-controlled media lies each time it wants to prove the so-called "popularity" of the prime minister

iii. ... The Chinese-language Sin Chiew Jit Poh also tried the same trick ...

iv. With huge resources and so many experts at its disposal, Berita Minggu, a publication of the UMNO-owned New Straits Times Press, could have done a better job pasting up the crowd to make it look massive.

A v. Bad job, Kadir Jasin!

vi. Time for an apology, if you have any ethics left, that is.

[19] Di dalam artikel kedua ayat-ayat yang bersifat memfitnah kepada plaintif-plaintif.

B i. Meanwhile, the NSTP, which owns Berita Minggu, is keeping mum over the allegations.

ii. A source within the local media says although Bernama denied that the photograph as it was first disseminated had been
C doctored, the question is whether it has been tampered with by Berita Minggu before it decided to publish it.

iii. Obviously, there are some parts in the photograph which need explanation.

D iv. The New Straits Times Press should come out clean, explain to the public and if need be, apologise to readers.

[20] Mana-mana orang yang membaca artikel pertama mungkin akan termakan dengan penulisan dan komen defendan dan menjejaskan imej plaintif apabila pihak defendan berjaya memberi
E contoh sebuah akhbar lain sebelum ini pernah membuat ubahsuai pada gambar yang disiarkan dan meminta maaf secara terbuka. Tohmahan defendan ini perlu dinilai penerimaan oleh orang biasa tanpa pengetahuan khas. Hal ini dinyatakan oleh Lord Reid di dalam kes Inggeris iaitu *Lewis v. Daily Telegraph Ltd* [1964] AC 234
F di ms. 258 sebagai berikut:

> What the ordinary man would infer without special knowledge has generally been called the natural and ordinary meaning of the words. But that expression is rather misleading in that it conceals the fact that there are two elements in it. Sometimes it is not necessary to go
G beyond the words themselves, as where the plaintiff has been called a thief or a murderer. But more often the sting is not so much in the words themselves as in what the ordinary man will infer from them, and that is also regarded as part of their natural and ordinary meaning.

[21] Tindakan Harakah mengeluarkan satu lagi tomahan pada
H plaintif di dalam artikel kedua pada 10 Disember 1999 setelah mengetahui bahawa pihak lain yang bertanggungjawab mengambil gambar tersebut adalah benar-benar menfitnahkan plaintif tanpa ragu-ragu lagi.

[22] Yang anehnya di dalam artikel kedua, Akhbar Harakah
I menyatakan Ketua Editor Bernama menafikan terdapat dua Dr Mahathir Mohamed di dalam gambar tersebut dan menjelaskan bahawa orang yang katakan seperti Dr Mahathir itu adalah orang

lain bukannya diubahsuai. Mengapa pula artikel kedua masih menuduh NSTP berdiam diri dan tetap dengan tuduhan mengubahsuai gambar berkenaan di dalam Berita Minggu.

[23] Meneliti keterangan SP3 jurugambar terutamanya yang mengesahkan gambar tersebut dan melihat naskah asal oleh mahkamah sendiri adalah disahkan gambar lelaki yang kelihatan sama dengan Perdana Menteri adalah orang yang berlainan.

[24] Apabila ditunjukkan dengan gambar asal dan dibandingkan dengan keratan asal akhbar Berita Minggu ternyata tidak diubahsuai. Dua bulatan menunjukkan seolah-oleh dua Dr Mahathir ialah hanya satu Dr Mahathir dan seorang lagi adalah orang yang berlainan dengan mempunyai gaya rambut berbeza (sideburns lebih panjang dan agak botak di bahagian tengah kepala) dan rupa yang berbeza, apa yang sama hanyalah berpakaian 'bushjaket' dan bercermin mata. Sepertimana pernyataan tuntutan plaintif, artikel pertama pihak defendan membuat tohmahan tanpa usul periksa dan sesuka hati dan bersikap cuai. Manakala artikel kedua defendan pula sudah mempunyai niat jahat (malice).

[25] Peryataan pembelaan oleh pihak defendan sebagai "fair comment" atau ulasan saksama atau komen yang adil tidak boleh digunapakai terutamanya defendan tidak kemukakan apa-apa pembelaan dan tambahan pula di dalam kes yang jelas lagi nyata bahawa plaintif tidak mengubahsuai gambar yang dituduh oleh Akhbar Harakah itu. Jika defendan hendak menggunakan pembelaan ulasan saksama defendan perlu buktikan ayat-ayat dan gambar yang dikatakan menfitnah plaintif itu dibuat dengan suci hati dan berlandaskan fakta yang benar.

[26] Seksyen 9 Akta Fitnah 1957 menyatakan sebagai berikut komen berpatutan (fair comment):

> s. 9 Fair Comment.
>
> In an action for libel or slander in respect of words consisting partly of allegations of fact and partly of expression of opinion, a defense of fair comment shall not fail by reason only that the truth of every allegation of fact is not proved if the expression of opinion is fair comment having regard to such to the facts alleged or referred to in the words complained of as are proved.

[27] Undang-undang untuk fitnah menggangap penerbitan artikel yang berbohong dan fitnah dibuat dengan niat jahat adalah fitnah. Pembelaan yang ada terdiri dari komen yang adil, justifikasi, dan perlindungan bersyarat.

[28] Akta Fitnah 1957 (Defamation Act 1957) s. 12 memberi perlindungan bersyarat kepada penerbitan akhbar sebagai berikut:

> s. 12(1) Subject to the provisions of this section, the publication in newspaper of any such report or other matter as is mentioned in Part I of the Schedule to this Act shall be privileged unless the publication is proved to be made with malice.
>
> As to the meaning of the word 'newspaper', s. 2 of the Act reads:
>
> 'newspaper' means any paper containing public news or observations thereon or consisting wholly or mainly of advertisements which is printed for sale and is published in Malaysia either periodically or in parts or numbers at intervals not exceeding thirty-six days.

[29] Undang-undang tidak memerlukan pembuktian secara nyata atau terus akan niat jahat tersebut ianya boleh secara tersirat. Mengikut Lord Diplock di dalam kes *Inggeris Horrocks v. Lowe* [1975] AC 135.

> Malice in the popular sense of a desire to injure the person who is defamed and this is generally the motive which the plaintiff sets out to prove. But to destroy the privilege the desire to injure must be the dominant motive for the defamatory publication; knowledge that it will have that effect is not enough if the defendant is nevertheless acting in accordance with a sense of duty or in *bona fide* protection of his own legitimate interest.

[30] Kes-kes di Malaysia yang mengikuti kes Inggeris di atas ialah antaranya kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub v. BRE Sdn Bhd* & Ors [1995] 1 LNS 304; *Dato Musa Hitam v. SH Alattas & Ors* [1991] 1 CLJ 314; [1991] 2 CLJ (Rep) 487 and *The Institute of Commercial Management United Kingdom v. The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd* [1993] 2 CLJ 365.

[31] Lord Diplock di dalam kes *Horrocks* di atas memberi pengecualian jika penerbitan yang dibuat itu adalah bersebabkan pada kecuaian atas kelemahan biasa manusia:

> In ordinary life it is rare indeed for people to form their beliefs by a process of logical deduction from facts ascertained by a rigorous search for all available evidence and a judicious assessment of its probative value. In greater or less degree according to their temperaments, their training, their intelligence, they are swayed by prejudice, relying on intuition instead of reasoning, leaping to conclusions on inadequate evidence and fail to recognize the cogency of material which might cast doubt on the validity of the conclusions they reach. But despite the imperfection of the mental process by which the belief is arrived at it may still be "honest", that is, a positive belief that the conclusion they have reached are true. The law demands no more.'

[32] Jika diteliti pada pengamatan Lord Diplock ini ternyata bahawa pihak defendan perlu mengemukakan keterangan pembelaan mereka. Jika pun benar artikel pertama di dalam Akhbar Harakah dibuat atas kecuaian dan kesilapan manusia melihat gambar diterbitkan namun artikel kedua tidak lagi boleh dimaafkan dan jelas iannya berniat jahat apabila defendan masih mempersendakan plaintif sebagai mengubahsuai gambar tersebut.

[33] Mengikut Lord Atkinson di dalam kes *Adam v. Ward* [1917] AC 309, 334:

> a privileged occasion is, in reference to qualified privilege, an occasion where the person who makes a communication has an interest or a duty, legal, social, or moral, to make it to the person to whom it is made, and the person to whom it is so made has a corresponding interest or duty to receive it. This reciprocity is essential.

[34] Kes di atas telah dituruti oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Abdul Rahman Talib v. Seenivasagam & Anor* [1966] 1 LNS 5. Mahkamah Persekutuan juga menyatakan justifikasi adalah satu pembelaan yang penuh kepada fitnah jika perkataan dikatakan fitnah itu adalah benar tidak berbohong.

[35] Meneliti pernyataan tuntutan terpinda plaintif pertama adalah dengan jelas plaintif pertama dapat membuktikan setiap perenggan yang diutarakan keatas setiap defendan yang bertanggungan atas penyiaran fitnah pada artikel pertama dan kedua memandangkan Akhbar Harakah di bawah kawalan dan milikan kesemua defendan-defendan ini. Pihak-pihak menerima defendan-defendan di dalam fakta-fakta yang dipersetujui (lampiran 40) sebagai pihak yang mempunyai kaitan dengan kandungan dan keluaran Akhbar Harakah.

[36] Di dalam kes *Anne Lim Keng See v. The New Staits Times Press (M) Bhd & Anor And Other Appeals* [2008] 6 CLJ 697 Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa;

> Malay Mail tidak boleh dinamakan sebagai pihak di dalam mana-mana tindakan kerana ianya bukanlah satu entiti dalam undang-undang. Ianya juga bukan nama yang dibawa di bawah perniagaan responden pertama tetapi hanya satu produk suratkhabar yang dimiliki dan diterbitkan oleh responden pertama. Tambahan pula, dalam kes-kes yang melibatkan orang yang libel boleh dikatakan bertanggungan terhadap penerbitan libel adalah penulis terhadap libel dan pemilik, editor, pencetak, penerbit dan vendor suratkhabar tetapi bukannya suratkhabar.

Menerima Masuk Gambar (Lampiran 29 Ikatan Dokumen Yang Dipersetujui)

[37] Peguambela defendan telah membantah gambar-gambar asal yang diambil oleh SP3 di jadikan sebagai eksibit. Mahkamah meneliti ikatan dokumen yang dipersetujui (lampiran 29) di dapati gambar-gambar tersebut terdapat pada ikatan 29 itu. Pihak-pihak pada mulanya bersetuju akan dokumen-dokumen ini diterima masuk terus tetapi setelah perbicaraan berjalan pihak peguambela defendan telah tukar pendirian.

[38] Namun begitu mahkamah telah berkesempatan meneliti gambar-gambar asal dari ms. 13 hingga 28 (lampiran 29) tersebut dan mendapati bahawa oleh kerana gambar-gambar tersebut telah berada di dalam ikatan dokumen yang dipersetujui (lampiran 29) bersama-sama eksibit lain seperti P1 hingga P4 maka tidak ada bezanya untuk melihat gambar asalnya dan membuat perbandingan walaupun hanya ditanda sebagai ID5 (1 - 16).

Keterangan SP3 (Jurugambar Bernama)

[39] Keterangan SP3 ini bukan sahaja memberi pengesahan ketulenan gambar yang diambilnya sendiri adalah sama dengan gambar P2 malah SP3 memberi bukti bahawa keadaan di tempat gambar diambil semasa itu adalah betul. Terdapat ramai orang yang kerumuni Dr Mahathir Mohamad seperti di dalam gambar di P2.

[40] Keterangan SP3 membawa dua peranan menguatkan kes plaintif; pertamanya membuktikan gambar P2 tidak diubahsuai dan tulen seperti yang diambil olehnya, keduanya; SP3 adalah saksi ditempat kejadian yang melihat sendiri berapa ramai orang ramai yang menyambut Perdana Menteri ketika itu dan telah mematikan tomahan defendan bahawa orang ramai tidak seramai di dalam P2 yang menyambut Dr Mahathir.

Pilihan Tiada Kes Untuk Dijawab Oleh Defendan (No Case To Answer)

[41] Mahkamah ini berpendapat pilihan untuk tidak menjawab kes pihak plaintif oleh defenden adalah mengundang padah apabila secara jelas dan nyata atas imbangan kebarangkalian pihak plaintif telah berjaya membuktikan kenyataan-kenyataan di dalam artikel pertama dan kedua akhbar Harakah adalah tidak benar bahawa plaintif mengubahsuai gambar di P2.

[42] Malah diteliti pernyataan pembelaan defendan yang mengutarakan pembelaan 'fair comment' memerlukan keterangan dari defendan untuk menangkis beban yang telah berpindah kepada defendan secara imbangan kebarangkalian juga.

[43] Di dalam kes *Pardeep Kumar Om Parkash Sharma & Anor v. Abdullah Sani Hashim & Another Cases* [2008] 1 LNS 669, keputusan dari Mahkamah Rayuan yang terkini dinyatakan dengan jelas akan akibat dari situasi ini oleh Hakim James Foong:

> With the slander pleaded in the statement of claim having been established, what with that statement and all the accompanying evidence taken as true, and it being presumed to be false the onus thus shifted to the appellant. Regretfully with the election of no case to answer the appellant had failed to rebut the respondent's case. Evidentially it was also established that the kidnap attempt was a fabricated story, which eventually led to the first appellant's indictment and conviction and incarcerated for 12 weeks.
>
> With the evidence unrebutted I was satisfied that there was no error in the reasoning of the learned judge, when concluding that the respondent had successfully established a tort of defamation against him by the first appellant on a balance of probability. I shall touch on the issue of damages after having resolved the appeal filed by the second appellant.

Hujahan Defendan

[44] Plaintif kedua gagal dipanggil oleh itu tuntutan plaintif pertama juga tidak terbukti.

Keputusan Mahkamah

[45] Mahkamah memang akui tuntutan plaintif kedua gagal oleh sebab plaintif kedua gagal kemukakan apa-apa keterangan untuk menyokong tuntutannya. Namun untuk menyatakan yang tuntutan plaintif pertama turut gagal adalah tidak benar. Ini kerana plaintif pertama ialah sebuah syarikat. Pihak plaintif pertama telah memanggil dua orang saksinya SP1 dan SP2 untuk membuktikan kedudukan plaintif pertama di dalam tuntutan ini. SP1 Tasneem binti Mohd Dahalan adalah Setiausaha Syarikat plaintif pertama. Beliau akui mengetahui urusan dalam plaintif pertama dan perjalanan perniagaan plaintif pertama.

[46] Keterangan dari SP2 adalah pegawai undang-undang plaintif. SP2 menjelaskan akan akibat dari artikel pertama dan kedua oleh Akhbar Harakah. Menjelaskan bahawa kesan dari dua artikel ini plaintif telah mendapat malu dan seolah-olah NSTP telah menipu orang awam. SP2 menjelaskan bahawa kenyataan-kenyataan di dalamnya adalah berbentuk fitnah.

[47] Pemeriksaan balas oleh peguambela defendan tidak langsung mencabar gambar tersebut adalah diubahsuai tetapi apa yang cuba dibuktikan ialah:

- NSTP adalah dibawah pengaruh UMNO;
- Dr Mahathir Mohamed adalah Perdana Menteri yang tidak lagi berpengaruh pada masa itu;
- Gambar (P2) di dalam Berita Harian itu diubahsuai untuk ramai orang menyambut Dr Mahathir dengan cara dua gambar Dr Mahathir dicantumkan. Sebenarnya tidak seramai itu yang menyambutnya.

[48] Peguambela juga cuba buktikan kebenaran artikel pertama dan kedua dengan mengemukakan soalan yang tidak relevan walaupun benar, seperti berikut; Cross Examination (Nota Keterangan ms. 16):

Q: Rujuk kepada PI di ms. 4, encl. 29. Lihat pada gambar, saya katakan artikel ini mengandungi beberapa fakta yang tepat bahawa sehari sebelum pengundian. Betul atau tidak?

A: Betul.

Q: Menyatakan UMNO President?

A: Betul.

Q: Siarkan gathering di Kangar, Perlis?

A: Betul.

Q: Tajuk berita adalah lebih kepada soalan. How many Mahathirs can you spot here?

A: Ya.

[49] Apa yang ditanya oleh peguambela dan diakui benar oleh SP3 bukannya membuktikan 'fair comment'. Mahkamah berpendapat beban adalah terletak lebih pada defendan untuk membuktikan artikel pertama dan kedua itu dibuat atas mana-mana pembelaan dan peruntukan oleh Akta Fitnah di atas dan bebas dari niat jahat (without malice).

Jumlah Gantirugi Am kepada Gantirugi Teladan

[50] Mahkamah membenarkan tuntutan plaintif pertama dengan kos di mana gantirugi am adalah sebanyak RM200,000 dan gantirugi teladan sebanyak RM100,000 dengan kos dan faedah.

[51] Gantirugi Am: Mahkamah berpendapat jumlah gantirugi am sebanyak RM200,000 adalah berpadanan dengan imej plaintif yang merupakan pengeluar akhbar harian berbahasa Inggeris dan Melayu yang meluas edarannya dan dipercayai dan minati di Malaysia. Malah mengikut plaintif terdapat kejatuhan di dalam jualan akhbar Berita Minggu hasil dari fitnah tersebut oleh Akhbar Harakah.

[52] Mahkamah ini berlandaskan kepada serangan di dalam artikel pertama dan kedua adalah merujuk kepada NSTP bukan sekadar merujuk kepada Berita Minggu atau Berita Harian. Pihak plaintif telah di perenggan 1(c) peryataan tuntutan terpinda ada menyenaraikan 19 terbitan utama dan 37 buah anak syarikat 'associated companies' dan saham-saham yang dimiliki oleh plaintif termasuk di dalam dan di luar negara.

[53] Dengan kata lain perniagaan plaintif adalah begitu bergantung kepada kepercayaan orang ramai atas bahan terbitannya.

[54] Gantirugi Teladan: RM100,000 adalah sesuai jika dilihat dari fakta kes yang mana pihak Harakah masih menyiarkan lagi komen atas isu yang sama pada 10 Disember 1999 walaupun Bernama mengakui gambar bukan dari sumber plaintif tetapi dipetik dari Bernama.

[55] Di dalam kamus *Modern Dictionary For Legal Profession*, 3rd edn, Exemplary Damages atau Punitive Damages digambarkan sebagai berikut:

> Court awarded monetary judgment against a defendant in a civil case to penalize or punish the defendant and to set an example for others. Punitive damages may be granted when the losing party acted out of malice, in bad faith, or when required by statute.

[56] Di dalam kes *Cheng Hang Guan & Ors v. Perumahan Farlim (PG) Sdn Bhd & Ors* [1988] 2 CLJ 35; [1988] 1 CLJ (Rep) 435 Company (No 004502 of 1988), *Re A; ex p Johnson* [1992] BCLC 701, Hakim Mahkamah Agong Edgar Joseph Jr SCJ telah merujuk kepada satu kes Inggeris untuk memberi gambaran ini:

> In *Cassel & Co v. Broome* [1972] 1 All ER 801 Lord Morris explained the ambit of the expression 'calculated to make a profit' used by Lord Devlin in *Rookes v. Barnard*. This is how he put it at p. 843: There may be exemplary damages if a defendant has formed and be guided by the view that though he may have to pay some damages or compensation because of what he intends to do, yet he will in some at gain (for the category is not confined to money making in the strict sense) or may make money out of it, to an extent which he hopes and expects will be worth his while. I do not think that the work' calculated'

A was used to denote some precise balancing process. The situation contemplated is where someone faces up to the possibility of having to pay damage for doing something which may be held to have been wrong but where nevertheless he deliberately carries out his plan because he thinks that it will work out satisfactorily for him.

B **[57]** Gantirugi teladan ini perlu diberikan agar pihak lain tidak mengambil mudah untuk menegakkan benang yang basah atau sengaja membuat tohmahan dengan niat yang tidak baik atau semata-mata untuk mendapatkan keuntungan dengan melariskan jualan Akhbar Harakah.

C

D

E

F

G

H

I